

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Khamis, 10 Julai 2025

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PERANGKAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA

MEI 2025

Pengeluaran getah asli Malaysia meningkat 24.9 peratus pada Mei 2025

PUTRAJAYA, 10 JULAI 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, Mei 2025**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti bagi estet getah.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, pengeluaran getah asli meningkat 24.9 peratus pada Mei 2025 (22,494 tan metrik) berbanding pada April 2025 (18,008 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan pengeluaran getah asli menurun 12.2 peratus (Mei 2024: 25,608 tan metrik). Pengeluaran getah asli Malaysia pada Mei 2025 disumbangkan terutamanya oleh sektor pekebun kecil (85.4%) berbanding sektor estet (14.6%).

Jumlah stok getah asli pada Mei 2025 menurun 11.4 peratus kepada 180,569 tan metrik berbanding 203,708 tan metrik pada April 2025. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 86.1 peratus diikuti kilang pengguna getah (13.7%) dan estet getah (0.2%).

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 35,939 tan metrik pada Mei 2025, meningkat 0.1 peratus berbanding April 2025 (35,901 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu menyumbang 31.7 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Mei 2025 diikuti Jerman (15.8%),

Emiriah Arab Bersatu (14.0%), Amerika Syarikat (8.1%) dan India (6.6%). Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub dan benang getah. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai sebanyak RM1.04 billion pada Mei 2025, menurun 3.5 peratus berbanding April 2025 (RM1.07 billion).

Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan penurunan iaitu 5.2 peratus (Mei 2025: 613.80 sen sekilogram; April 2025: 647.20 sen sekilogram) manakala Sekerap menurun sebanyak 5.4 peratus (Mei 2025: 606.67 sen sekilogram; April 2025: 641.27 sen sekilogram). Trend harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula menunjukkan penurunan antara 3.2 peratus dan 5.1 peratus. *The World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) menurun 0.2 peratus daripada USD1.71/kg kepada USD1.70/kg dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) meningkat 3.3 peratus daripada USD2.13/kg kepada USD2.19/kg.

Menurut *Malaysia Rubber Board Digest* keluaran Mei 2025, Pasaran Getah Kuala Lumpur menunjukkan aliran menurun sepanjang Mei 2025, disebabkan oleh penurunan dalam pasaran hadapan getah serantau, penanda aras harga minyak mentah yang lebih lemah dan pengukuhkan nilai ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat. Sentimen negatif juga didorong oleh kebimbangan berhubung tarif perdagangan Amerika Syarikat dan ketegangan yang meningkat di Timur Tengah, seterusnya meningkatkan ketidaktentuan ekonomi global. Namun begitu, kerugian seterusnya dikekang oleh prospek permintaan yang lebih cerah seperti dilaporkan oleh Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC) serta peningkatan dalam prestasi ekonomi China.


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkuuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Carta 1: Pengeluaran dan penggunaan domestik bagi getah asli Mei 2024, April - Mei 2025
 ('000 tan metrik)



Carta 2: Import dan eksport bagi getah asli Mei 2024, April - Mei 2025
 ('000 tan metrik)



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
 JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
 10 JULAI 2025**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, July 10th 2025

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA

MAY 2025

Malaysia natural rubber production

increased by 24.9 per cent in May 2025

PUTRAJAYA, JULY 10, 2025 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **Monthly Rubber Statistics, Malaysia, May 2025**. This publication consists of statistics on production, imports, exports, domestic consumption, stocks, prices, number of employees, salaries & wages and productivity of rubber estates.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, Natural Rubber (NR) production increased by 24.9 per cent in May 2025 (22,494 tonnes) as compared to April 2025 (18,008 tonnes). Year-on-year comparison showed that the production of NR decreased by 12.2 per cent (May 2024: 25,608 tonnes). Production of NR in May 2025 for Malaysia was mainly contributed by smallholders sector (85.4%) as compared to estates sector (14.6%).

Total stocks of NR in May 2025 decreased by 11.4 per cent to 180,569 tonnes as compared to 203,708 tonnes in April 2025. Rubber processors factory contributed 86.1 per cent of the stocks followed by rubber consumers factory (13.7%) and rubber estates (0.2%).

Exports of Malaysia's NR amounted to 35,939 tonnes in May 2025, increased 0.1 per cent as against April 2025 (35,901 tonnes). P.R. China remained as the main destination for NR exports which contributed 31.7 per cent of total exports in May 2025 followed by Germany (15.8%), the United Arab Emirates (14.0%), the United States of America (8.1%) and India (6.6%). The exports performance was contributed by NR-based products such as gloves, tyre, tube and rubber thread. Gloves were the main exports of

rubber-based products with a value of RM1.04 billion in May 2025, a decrease of 3.5 per cent as compared to April 2025 (RM1.07 billion).

Analysis of the average monthly price showed that Concentrated Latex recorded a decrease of 5.2 per cent (May 2025: 613.80 sen per kg; April 2025: 647.20 sen per kg) while Scrap decreased by 5.4 per cent (May 2025: 606.67 sen per kg; April 2025: 641.27 sen per kg). Trend of prices for all Standard Malaysian Rubber (S.M.R) showed a decline between 3.2 per cent and 5.1 per cent. The World Bank Commodity Price Data reported the prices for TSR 20 (Technically Specified Rubber) has decreased 0.2 per cent from USD1.71/kg to USD1.70/kg and SGP/MYS (Singapore/Malaysia) increased 3.3 per cent from USD2.13/kg to USD2.19/kg.

According to the Malaysia Rubber Board Digest published in May 2025, the Kuala Lumpur Rubber Market exhibited a downtrend throughout May 2025, weighed down by declines in regional rubber futures markets, weaker benchmark crude oil prices, and a stronger ringgit against the United States of America dollar. The negative sentiment was also driven by concerns over the United States of America trade tariffs and escalating tensions in the Middle East, which have heightened global economic uncertainties. However, further losses were limited by brighter demand prospects reported by the Association of Natural Rubber Producing Countries (ANRPC) and improvements in Chinese economic performance.


ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

Malaysia, for the first time, ranked as number one (1) globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 198 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.


The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

**Chart 1: Production and domestic consumption of natural rubber May 2024, April - May 2025
('000 tonnes)**



**Chart 2: Imports and exports of natural rubber May 2024, April - May 2025
('000 tonnes)**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
10 JULY 2025**